

Bagi pihak STML pula, Dr Siti Norezam Othman berkata kerjasama yang telah dirintis dengan pihak Proton telah bermula, sejak 2009 tetapi telah mengalami beberapa kekangan disebabkan masalah teknikal.

"Pihak STML berharap agar pertemuan empat mata dengan pihak Proton ini bakal membuka lembaran baru dalam kerjasama konsultasi dan kerjasama akademik yang lebih erat serta menguntungkan," katanya.

Tambah beliau, kertas cadangan penyelidikan yang lalu mungkin boleh disemak oleh pihak Proton untuk dinilai dan dikaji semula, dan pihak STML juga terbuka untuk menerima cadangan bagi kajian yang dirasakan lebih kritikal untuk dilakukan di Proton Holdings Berhad.

Sementara itu, Rahimy Bahaudin berkata pengurusan ilmu yang dilaksanakan oleh pihak Proton kini memasuki fasa kedua di mana Proton telah berjaya melaksanakan perkongsian rangka kerja pengurusan ilmu, ganjaran dan prestasi pengurusan ilmu, pengukuran dan analisis pengurusan ilmu serta koordinasi dan komunikasi.

"Proton kini dalam proses bergerak ke arah fasa ketiga iaitu untuk menginstitusikan rangka kerja pengurusan ilmu, memperoleh amalan terbaik pengurusan ilmu, kecekapan pengurusan ilmu, pengurusan projek menerusi pengurusan ilmu dan seterusnya budaya penglibatan dalam pengurusan ilmu,"katanya.

Jelas beliau lagi, pihak Proton juga berharap agar pihak STML menerusi Kolej Perniagaan (UUM COB) dapat meneruskan kerjasama bagi melahirkan lebih ramai graduan DBA dari kalangan warga kerja Proton Holdings di samping mengadakan latihan berterusan untuk program *Managers Development Program*.

Malah, pensyarah STML turut menyarankan agar kerjasama yang lebih erat dapat dilakukan dalam bidang pengurusan vendor, pengurusan pengetahuan dan pengurusan kualiti.

Hasil pertemuan dengan pihak Proton diharap dapat membuka ruang kerjasama yang boleh diteroka dengan lebih meluas lagi kerana kerjasama ini tentunya akan memberi impak bukan sahaja terhadap Proton, bahkan juga kepada STML UUM.

Daya juang dalam dunia perniagaan automobil yang semakin mencabar pada masa kini memerlukan dinamisme bukan sahaja barisan jurutera automotif dan pengurusan tertinggi Proton, malah golongan akademik yang berkepakaran juga perlu turut sama menyumbang kepada kelestarian syarikat dan negara.

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my